



10 DEC, 2020

## Kutip tin, barang lusuh sara hidup tujuh beranak

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Kutip tin, barang lusuh sara hidup tujuh beranak

Oleh ROHANA MOHD.NAWI  
utusannews@mediamula.com.my

**KOTA BHARU:** Pandemik Covid-19 yang melanda negara benar-benar menguji kehidupan tujuh beranak dari Kampung Terusan, Limbat, di sini yang bertukar menjadi sangat daif.

Kemiskinan hidup memaksa Shamsuddin Mohd. Ali, 40, dan isteri, Rabiah Abdul Manaf, 40, bersama lima anak mereka berusia enam hingga 13 tahun menikmati nasi kosong berlauk budu atau kicap sebagai menu harian.

"Kesusahan hidup kami bermula apabila saya terpaksa berhenti berniaga selepas pasar tani tidak dibenarkan beroperasi sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bermula Mac. Walaupun PKP ditamatkan, pasar tani masih tidak boleh beroperasi.

"Bagi mendapatkan wang, saya mengutip barang terbuang dan lusuh di sekitar kampung dan kini cuba bela ikan keli pula. Alhamdulillah, selepas berjaya menjualnya, dapatlah dalam RM70 seminggu atau sekitar RM300 sebulan.



**SHAMSUDDIN** kini mencari rezeki mengutip barang lusuh seperti tin minuman kosong bagi menyara keluarganya di Kampung Terusan, Kota Bharu. - UTUSAN/ROHANA MOHD NAWI

"Dapat wang, saya akan membeli beras dan lauk untuk dimakan bagi tempoh seminggu. Tapi lauk habis tak sampai

seminggu. Mahu tak mahu, terpaksa isteri sediakan nasi kosong untuk kami makan dengan budu atau kicap," katanya ke-

tika ditemui pemberita, di sini semalam.

Tujuh sekeluarga itu kini tinggal di rumah pusaka arwah

bapa Shamsuddin yang serba daif dengan bumbungnya bocor dan berlubang-lubang.

Lebih menyedihkan, setiap kali hujan lebat, mereka terpaksa lari berlindung di bawah rumah bagi mengelak basah kuyup ditimpa hujan.

"Saya tidak ada wang untuk memperbaiki bumbung. Saya tidak tahu saluran untuk mengadu masalah ini dan setakat ini, kami sekeluarga tidak pernah menerima apa-apa bantuan dari mana-mana pihak.

Shamsuddin berkata, baru-baru ini dia ada memohon bantuan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi belum diluluskan.

"Paling saya risaukan sekarang, anak-anak akan mula bersekolah tidak lama lagi, tetapi, saya masih tidak ada wang yang mencukupi untuk membeli kelengkapan dan membayar yuran," keluhnya.

Orang ramai yang ingin memberi sumbangan boleh menyalurkan ke akaun Bank Islam 13017020415957 dengan nama Shamsuddin Mohd. Ali atau boleh menghubunginya sendiri menerusi talian 0172823349.



10 DEC, 2020

## Kutip tin, barang lusuh sara hidup tujuh beranak

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA BHARU: Pandemik Covid-19 yang melanda negara benar-benar menguji kehidupan tujuh beranak dari Kampung Terusan, Limbat, di sini yang bertukar menjadi sangat daif. Kemiskinan hidup memaksa Shamsuddin Mohd. Ali, 40, dan isteri, Rabiah Abdul Manaf, 40, bersama lima anak mereka berusia enam hingga 13 tahun menikmati nasi kosong berlauk budu atau kicap sebagai menu harian.